

Pertemuan Dr. M, Pope tidak wajar dijadikan isu politik

UM 26 MAY 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR — Pertemuan antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II tidak sepatutnya dijadikan isu politik oleh mana-mana pihak kerana pendirian Malaysia mengenai pelbagai isu terutamanya melibatkan Islam amat jelas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, kerajaan tidak pernah menyembunyikan pendiriannya bahkan sejak sekian lama dasar negara mengenai Islam lantang disuarakan di peringkat nasional atau antarabangsa.

Justeru sungguhpun jemputan pemimpin tertinggi Katolik itu untuk bertemu dengan Perdana Menteri akan dirujuk kepada Kabinet terlebih dahulu, beliau percaya jemaah menteri akan mempersetujuinya.

Ini kerana, katanya, pertemuan itu boleh menyumbang kepada kebaikan manusia di seluruh dunia.

“Inilah masanya untuk kita mengetengahkan pendirian kita di peringkat antarabangsa supaya orang boleh dengar. Soal mereka terima pandangan kita

atau tidak, itu soal kedua,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1423 Hijrah di sini hari ini.

Abdul Hamid diminta mengulas laporan berhubung jemputan Pope John Paul II untuk bertemu dengan Dr. Mahathir di Vatikan bulan depan.

Keharmonian

Mengulas lanjut, menurut beliau, Islam tidak menghalang umatnya daripada berunding dengan penganut agama lain jika perbincangan itu menjurus kepada mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan manusia sejagat.

“Dalam Islam, tidak ada halangan untuk berunding dan berbincang dengan sesiapa sahaja dan kita menghormati bangsa dan agama lain yang ada di dunia,” katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa dalam al-Quran sendiri ada disebut bagaimana Tuhan menjadikan manusia berbangsa dan berpuak-puak supaya mereka dapat saling berkenalan, bernesra dan berhubung an-

tara satu sama lain untuk memastikan keamanan dan keharmonian sejagat.

“Perkara ini telah jelas dalam al-Quran, sebab itulah kita sambut (baik) supaya Dr. Mahathir menerima undangan itu,” katanya.

Sementara itu, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman berkata, pertemuan antara Dr. Mahathir Pope John Paul II tidak bersangkut-paut dengan soal akidah.

Sebaliknya, pertemuan itu hanyalah untuk mencari perdamaian dan membincangkan soal keselamatan yang hangat dipertanyakan dunia ketika ini.

Malah, tegasnya, Islam sendiri tidak menentang perundingan seperti itu yang bersesuaian dengan kehendak agama sendiri.

“Barangkali, Perdana Menteri akanimbang sama ada pertemuan ini akan dibuat. Pada saya, jika berjumpa pun, ia bukan berkaitan soal akidah sebab di negara ini toleransi agama sudah cukup mantap.

“Ia sebenarnya satu penghormatan kepada Perdana Menteri jika perbincangan berkisar soal keganasan yang melanda dunia hari ini,” katanya.